

Jenis Akhbar : Kosmo Online

Tarikh : 12/03/2019

Edisi / Muka surat : www.kosmo.com.my

Tajuk : **Angkasa mahu lebih ramai wanita dan belia dalam barisan kepimpinan**

Angkasa mahu lebih ramai wanita dan belia dalam barisan kepimpinan

RIDZAUDDIN ROSLAN

12 Mac 2019 3:23 PM



Fattah mahu golongan wanita diberikan lebih banyak ruang sekali gus membolehkan Angkasa melantik perwakilan berdasarkan sektor-sektor tertentu. Gambar fail

KELANA JAYA- Perwakilan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) mahu lebih banyak ruang diberikan kepada koperator wanita dan belia dalam kepimpinan badan koperasi memandangkan jumlah golongan itu adalah tertinggi.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, Pindaan Undang-Undang Kecil Angkasa bagi tujuan itu telah diluluskan sebelum ini dan kini menunggu kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

"Apabila pindaan undang-undang kecil itu diluluskan nanti maka mereka akan diberikan lebih banyak ruang sekali gus membolehkan Angkasa melantik perwakilan berdasarkan sektor-sektor tertentu.

"Buat masa ini, kami tidak boleh melantik mereka ekoran masih tertakluk kepada peraturan yang lama,"katanya pada pemberita selepas Persidangan Angkasa Peringkat Negeri Selangor di sini tadi.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Angkasa, Nasir Khan Yahaya. - *K! ONLINE*